



GARIS PANDUAN PENAMPILAN IMEJ KORPORAT WARGA UKM SECARA DALAM TALIAN

Garis Panduan Penampilan Imej Korporat Warga UKM Secara Dalam Talian

1. Pengenalan

Garis Panduan Penampilan Imej Korporat Warga UKM Secara Dalam Talian disediakan bagi memastikan imej korporat warga UKM semasa bersiaran secara dalam talian selaras dengan perkembangan semasa melalui penggunaan aplikasi seperti Zoom, Webinar, dan sebagainya. Pemilihan pertemuan, perbincangan, atau mesyuarat dibuat secara maya adalah alternatif bagi mengurangkan risiko jangkitan yang tinggi berbanding pertemuan secara fizikal akibat pandemik wabak Covid-19.

Penampilan warga UKM perlu diambil kira demi memastikan imej korporat UKM dipelihara walaupun dibuat secara dalam talian. Aspek seperti reka bentuk latar pentas (*backdrop*), maklumat yang hendak dipaparkan pada latar, dan penampilan individu perlu mengikut garis panduan ini.

2. Pelaksanaan Garis Panduan

Pelaksanaan **Garis Panduan Penampilan Imej Korporat Warga UKM Secara Dalam Talian** ini meliputi dua aspek iaitu penganjur dan peserta.

2.1 Penganjur

Pihak penganjur atau urus setia di PTJ perlu memastikan langkah berikut diambil sebelum acara bersiaran secara dalam talian;

1. Saiz latar pentas (*backdrop*) - 1920 x 1080 pixel
2. Reka letak dalam bentuk lanskap
3. Resolusi - 72 dpi
4. Peletakan logo diletakkan di atas latar dengan mengikut aturan dari kiri ke kanan
 1. Logo UKM
 2. Logo 50 tahun
 3. Logo penganjur utama
 4. Logo penganjur bersama
 5. Logo pusat dsb
5. Ruang maklumat acara diletakkan di sebelah kanan latar dan ruang untuk pembentang diletakkan di sebelah kiri.
6. Maklumat dalam latar yang perlu dimasukkan ialah tajuk acara, masa, dan Tarikh
7. Platform yang terlibat adalah seperti Webinar, Zoom, Google Meet, Microsoft Team dan sebagainya
8. PTJ/ Urus Setia acara diberi kebebasan untuk membuat reka bentuk untuk dipaparkan pada skrin seperti panduan (dilampirkan). Rekaan perlu diemelkan kepada Pusat Komunikasi Korporat (pkk@ukm.edu.my) untuk pengesahan.

9. Reka bentuk yang telah disahkan hendaklah di emelkan kepada semua ahli yang hadir di dalam talian untuk diguna pakai sepanjang acara berlangsung bagi keseragaman.

2.2 Peserta atau jemputan

Warga UKM sebagai peserta sama ada pengacara, pembentang atau penonton yang hadir secara dalam talian perlu memastikan langkah berikut diambil:

1. Menggunakan latar pentas yang disediakan oleh penganjur/ urus setia
2. Sekiranya latar pentas tidak diberikan oleh penganjur, peserta perlu menggunakan latar pentas yang telah disediakan oleh PKK di <http://www.ukm.my/pkk/ms/muat-turun/>
3. Berpakaian kemas dan sopan
4. Menjaga adab dan pertuturan
5. Sentiasa memastikan kamera dalam mod terpasang

3. Pemakaian

Garis panduan ini terpakai kepada semua warga UKM dalam sebarang acara yang dianjurkan secara dalam talian.

4. Pemakluman

Untuk sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pkk@ukm.edu.my

Lampiran

Panduan reka bentuk untuk dipaparkan pada skrin

